

# Kreativiti Dalam Pengurusan

## Bahagian 1



**Dr. Ali Qassem**

[www.aliqasseminternational.com](http://www.aliqasseminternational.com)

Kreativiti adalah sangat diperlukan dalam pengurusan moden. Untuk berjaya dalam dunia moden ini, organisasi harus aplikasikan kreativiti dalam pengurusan, kepimpinan, operasi harian, penghasilan produk, strategi pasaran dan kebanyakan perkara dalam urusan pengurusan.

Ada segelintir orang mendefinisikan kreativiti sebagai “Satu fenomena di mana seseorang mencipta sesuatu yang baru (produk, penyelesaian, novel, hasilan kesenian dan sebagainya).”

Ada juga yang mendefinisikan kreativiti sebagai, “Menghasilkan idea baru dan berguna yang berkaitan dengan produk, perkhidmatan, proses dan prosedur oleh seseorang atau sekumpulan orang.”

Bagi saya, kreativiti adalah kecenderungan untuk menghasilkan atau mengiktiraf idea, alternatif, atau kebarangkalian yang mungkin berguna dalam menyelesaikan masalah, berkomunikasi dengan orang lain, menambahkan nilai dan memperbaiki cara hidup”.

Harvard Business Review menjelaskan pengurusan sebagai “proses bimbingan, mengarah dan mengawal demi mencapai objektif dengan cekap serta berkesan bersama atau melalui orang lain”.

Saya pula mendefinisikan kreativiti dalam pengurusan sebagai, “Menghasilkan atau menggunakan idea baru atau idea sedia ada yang berguna, alternative, kemungkinan

dan kaedah agar dapat mengurus secara efektif dan efisien.” [Qassem, Ali, “*The Role of Motivation in Organizational Performance*”, 2008]

Pada umumnya, orang ramai mempunyai persepsi bahawa kreativiti adalah ciptaan idea baru. Namun demikian, mengenalpasti dan mengimplemetasikan idea sedia ada, kaedah dan teknologi dalam pengurusan juga adalah sama penting.

Pengurusan dalam organisasi adalah satu perkara yang kompleks, sensitif dan penuh dengan cabaran. Kian hari pekerjaan sebagai pengurus kian menjadi sukar, sentiasa berhadapan dengan pelbagai cabaran baru dan masalah yang mana puncanya ada yang diketahui dan ada yang tidak diketahui.

Antara punca-punca ini adalah anjakan ekonomi yang berterusan, cabaran dan persaingan, peningkatan saiz organisasi, teknologi, kerumitan, dan bebanan pertumbuhan penduduk yang semakin meningkat.

Di samping itu, terdapat juga faktor-faktor lain seperti kaedah untuk mengumpul dan menganalisis maklumat dengan cepat, kepelbagaian pemikiran rakyat, aspirasi, sikap, kemahiran, pengetahuan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, selain faktor-faktor yang disebutkan dan faktor-faktor yang belum disebutkan, organisasi mesti menggunakan sumber-sumber mereka dengan bijak dan cekap, memuaskan hati pelanggan-pelanggan mereka secara konsisten, berkembang dan maju dalam era ekonomi yang kompetitif ini, dan membuat keuntungan melalui pengurusan yang berkesan.

Oleh itu, organisasi mestilah mengemukakan atau menerima pakai idea dan kaedah untuk menangani peningkatan tahap cabaran dan kerumitan yang dihadapi.

Banyak organisasi hanya menumpukan kepada keberkesanan operasi, yang mana sangat penting untuk kejayaan organisasi. Tetapi itu sahaja tidak mencukupi. Organisasi mesti menyedari dan memilih idea-idea dan kaedah baru atau yang sedia ada untuk menjalankan aktiviti yang berbeza, dan itulah sebenarnya apa yang dipanggil strategi yang berkesan.

Kreativiti dalam pengurusan menandakan menghasilkan atau mengguna pakai semua jenis pengetahuan yang sedia ada untuk menghasilkan sesuatu yang bernilai. Ini hanya boleh berlaku jika organisasi boleh menggunakan sumber tenaga pekerja mereka yang juga merupakan sumber ilmu dengan betul dan cekap.

Pihak pengurusan perlu dapat menggunakan pengetahuan sumber tenaga pekerja mereka, dan membuatkan sumbangan mereka berkesan untuk diri dan organisasi.

Kreativiti dalam pengurusan; bagaimanapun, bukanlah hanya sekadar tentang berapa banyak pengetahuan atau bakat yang ada di kalangan tenaga pekerja dalam sesebuah organisasi, tetapi juga tentang apa yang organisasi lakukan dengan pengetahuan dan

bakat itu. Organisasi perlu menggunakan segala pengetahuan dan bakat yang ada untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan.

Kreativiti dalam pengurusan memerlukan pemahaman tentang pemasalahan berkaitan dengan manusia yang dihadapi oleh organisasi.

Organisasi menghadapi cabaran bermula dari pengambilan tenaga pekerja, cara hendak mewujudkan pasukan kerja yang efektif, strategi memimpin, cara berkomunikasi dengan berkesan untuk meningkatkan prestasi kerja.

Di samping itu juga, pihak organisasi menghadapi cabaran menilai prestasi kerja, kepatuhan terhadap kod etika organisasi, menangani perubahan, latihan dan cabaran baru berurusan dengan generasi "Y".

Kesemua pemasalahan yang berpunca dari manusia perlu wujudkan atau menggunakan pakai idea baru atau yang sedia ada untuk mengurangkan impak ke atas prestasi kerja.

Tambahan pula, kreativiti dalam pengurusan wajib dimiliki oleh para pengurus hari ini. Selain daripada itu, mereka juga perlu perolehi pengetahuan yang mencukupi mengenai pengurusan (teknikal, pentadbiran, penyelesaian masalah, membuat keputusan, dan kemahiran hubungan antara manusia) pengetahuan tertentu ke atas ekonomi, psikologi, kecerdasan emosi, falsafah, sosiologi dan hak asasi manusia.

**Bersambung...**